

Nombor plat khas 'UC' boleh dibida

[Asrol Awang](#)
am@hmetro.com.my



Pengerusi Lembaga Pengarah Urusan UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman (tengah) menunjukkan antara nombor plat UC di Kuantan. FOTO Ihsan UMP

Kuantan: Nombor pendaftaran khas Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu UC boleh dibida secara atas talian bermula 1 Februari hingga 14 Februari ini.

Proses bidaan bermula RM1,000 untuk nombor empat digit dan RM200,000 bagi nombor tunggal.

Pengerusi Lembaga Pengarah Urusan UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, bagi kakitangan dan pelajar UMP, mereka berpeluang mendapat harga istimewa apabila ditawarkan mulai 25 Februari ini.

"UMP menasarkankan penjualan siri nombor pendaftaran UC mampu mencecah sehingga RM3.5 juta bagi fasa pertama.

"Kombinasi dua huruf UC ini diambil bagi mewakili huruf U iaitu awalan perkataan UMP, manakala C adalah nombor pendaftaran kenderaan rasmi bagi negeri ini yang juga identiti Pahang," katanya pada majlis penyerahan nombor plat khas UC di UMP Gambang, di sini, hari ini.

Hadir sama, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMP dan Pengarah Urusan Aquatwo Sdn Bhd, Datin Nabihah Mustapha.

Abdul Aziz berkata, penjualan nombor pendaftaran khas itu susulan hasrat dan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mahu semua universiti awam menjana pendapatan sendiri.

"Ia adalah sebahagian usaha Yayasan UMP meningkatkan sumber pendapatan untuk disalurkan untuk pelbagai program kebajikan bagi manfaat pelajar dan golongan memerlukan," katanya.

Mereka yang berminat boleh melayari laman sesawang <http://www.ucplat.com.my> bermula 1 Februari hingga 14 Februari ini untuk didaftarkan bermula 1 Mac sehingga Oktober 2024.

Disiarkan pada: Januari 28, 2022 @ 5:40pm